

# ***Al-Qur'ān al-Karīm Pusat Kebudayaan Dunia***

## **Mengenal al-Qur'an dari Dekat**

"Bangsa kita Melayu sudah lama menganut Islam, tetapi kita tidak begitu hiraukan isi Quran itu. Kita hanya berpada dengan membaca sahaja, sekalipun tidak mengerti maksud dan tujuan dari apa yang kita baca, kemudian kita simpan Quran itu di atas alang-alang pintu" kata al-Ustaz Abu Bakar Hamzah dalam dalam karangannya ini- P. Q.

(Oleh: Abu Bakar Hamzah)

Di antara beberapa buah kitab suci yang Tuhan turunkan kepada manusia menerusi rasul-rasul=Nya, ialah Taurat, Injil, Zabur, dan Quran. Quranlah kitab suci yang akhir sekali dan yang tidak akan ada sebarang kitab suci lagi selepasnya. Quranlah yang menjadi asal pertama dan utama atau pokok pangkal bagi hukum-hukum di dalam agama Islam. Quran itu diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad Ibn Abdullah - Nabi yang penyudah- pada malam ketujuh belas dalam bulan Ramadan ketika junjungan kita berumur 41 tahun, iaitu diturunkan dengan beransur-ansur semenjak 17 Ramadan tersebut hingga 9 Dzulhijjah, tahun 10 Hijrah, ketika umur beliau 63 tahun.

Quran itu, menurut aturan Tuhan, dibahagikan kepada beberapa surah dan juzuk iaitu sebanyak 30 juzuk dan 114 surah. Adapun "surah" yang mula-mula sekali ialah *al-Fātiḥah*, dan yang akhir sekali ialah surah *al-Nas*. Tiap-tiap surah mengandungi beberapa ayat.

Di dalam sebuah Quran itu ada terkandung (6342) ayat di antaranya 500 ayat sahaja yang membicarakan hukum-hukum

halal dan haram, sedang yang lain lagi itu adalah mengenai susunan hidup bermasyarakat dan lain-lain urusan manusia sesama manusia seperti negara, perekonomian, pergaulan, kemajuan, kebudayaan dan sebagainya.

Ayat yang mula-mula sekali diturunkan ialah: (*Bismillāhrrāḥmānirrahīm*) ('Iqra' bismi rabbika alladhi khalaq, khalaqal insāna min 'alaq, 'Iqra' wa rabbukal akram alladzī 'allama bil qalam, 'allamal insāna mā lam ya 'lam) dan ayat yang akhir sekali diturunkan ialah pada hari (*hujjatul widā*) atau haji selamat tinggal; iaitu: (*al-yawma 'akmaltu lakum dīnakum, wa atmamtū 'alaykum ni'matī wa raḍītu lakumul islāma dīnā*).

Jaraknya masa permulaan Quran itu diturunkan hingga selesaiinya ialah selama 22 tahun, 2 bulan dan 20 hari.

Bangsa kita Melayu sudah lama menganut Islām, tetapi kita tidak begitu hiraukan isi Quran itu. Kita hanya berpada dengan membaca sahaja, sekalipun tidak mengerti maksud dan tujuan dari apa yang

kita baca, kemudian kita simpan Quran itu di atas alang-alang di rumah,

Ada di antara kita orang yang menghafaz sedikit sebanyak ayat Quran itu, kemudian digunakannya dalam urusan jampi-jampi, memburu jin dan hantu, untuk ilmu pemanis dan ilmu pengasih, ubat kelat, dan cuca-mencuca serta lain-lain urusan lagi yang tidak kena mengena dengan kehendak Quran itu sendiri. yang anehnya ialah mereka yang menggunakan ayat-ayat tadi, semuanya boleh dikatakan tidak mengerti bahasa Arab atau bahasa Quran itu, cuma mereka menerima petua dari guru-guru yang juga tidak mengerti bahasa Quran. Akal yang siuman tidak dapat menelan cara-cara menggunakan Quran seperti yang tersebut itu.

Ada pula di antara kita orang yang mengerti bahasa Quran, tetapi sayang sekali sebab mereka menggunakan ayat-ayat Allah itu untuk mengabui mata orang ramai. mereka buatkan azimat-azimat, dan kemudia mereka jualkan untuk mencari wang. Tegasnya, oleh mereka digunakannya Quran itu sebagai barang perniagaan yang mendatangkan keuntungan wang ringgit.

Puak yang amat berdosa sekali ialah alim ulama kita yang menggunakan Quran itu untuk menegakkan benang basah Raja-raja dan orang-orang besar negeri. Kita berdoa supaya Allah berikan hidayah kepada ulama yang seperti itu. Setengah daripada tanda-tanda alim ulama penjual ayat Allah itu ialah: Mereka yang menyeru anak-anak orang ramai supaya belajar di sekolah Arab yang mengajar agama tetapnya anak-anak mereka lelaki dan perempuan dikejarkannya ke sekolah-sekolah Inggeris. Kita tidak menyekat orang mempelajari bahasa lain dan sebarang ilmu, tetapi janganlah kita sampai mengaburi mata orang lain dengan menggunakan ayat-ayat Allah.

#### **Tujuan *al-Qur'ān al-Karīm***

Seruan Quran adalah berdasarkan dua tujuan besar:

(A) Pemberontakan terhadap adat resam yang

tidak diterima oleh akal siuman,

(B) Memperbaiki susunan masyarakat seluas-luasnya,

sama ada dalam urusan ibadat mahu pun dalam

urusana hubungan masyarakat hidup.

Itulah dia dua tujuan dari seruan Quran, dan

bagi mengamalkannya di sisi empat sasaran yang mesti diperjuangkan, ada kalanya dengan cara berlemah-lembut dan bertolak ansur, tetapi pada beberapa masa perlu diperjuangkan dengan aliran pemberontakan, sekali pun terpaksa menyabung jiwa di badan. Medan-medan yang menjadi sasaran tadi ialah:

(A) Aqidah keesaan dan kekuasaan Tuhan,

(B) Tugas-tugas ibadah fardu ain,

(C) Akhlak atau budaya ilmu,

(D) Hak-hak asasi manusia seluruhnya.

Jika kita perhatikan tujuan dan sasaran yang digoreskan oleh Quran itu, maka sudah tentu akan kita terasa berat dan hebat, sekira-kira tidak sanggup kita menunaikan apa yang dibebankan kepada kita. Tetapi semuanya itu akan menjadi mudah jika kita terus menyelami jiwa yang menjadi penggerak atau penimbul daya kepada kita, sama da dalam tujuan mahupun dalam sasaran.

#### **Jiwa Quran atau Penimbul Daya**

Dalam melaksanakan seruan yang disuruh oleh Quran itu, sama ada mengenai ibadat, tugas dan hak atau pun akhlak manusia, di sana terdapat satu jiwa yang maha gagah yang menjadi penimbul daya dalam roh anggota insan. Penimbul daya ini, pada suatu segi merupakan suatu falsafah yang terang dengan beberapa rancangan yang tegas dan mudah diperjuangkan:

(A) Seruan ke arah "mahu hidup" mulia,

(B) " " kebijakan jenis manusia,

- (T)"      " peri kemanusiaan,  
 (TH)"     " mengatasi segala kemungkaran,  
 (J)      " berhakimkan kepada akal dan  
 ilmu bukan kepada adat lapuk dan taqlid  
 buta.

yang sanggup menggunakan akal fikiran mereka).  
 Firman-Nya lagi "nūfāṣṣilūl āyātī liqawmīn ya 'lāmūn'"  
 (Kami huraikan satu persatu akan tanda-tanda kebesaran  
 -Allah- bagi bangsa yang mempunyai ilmu pengetahuan).  
 FirmanNya lagi "Fas' alū ahl al-dhikri 'in kuntum  
 lā ta 'alamūn" (Maka, bertanyalah kepada irang-orang yang ahli  
 dalam perkara itu sekiranya kamu tidak mengetahui).  
 Firman-Nya lagi: "Hal yastawilladzīna ya 'lamūna walladzīna  
 lā ya 'lamūn, innamā yatadzakkuri 'ūlul albāb" (Apakah sama  
 sedarjat mereka yang mengetahui dan mereka yang tidak mengetahui  
 - tidak sekali-kali tidak – hanya yang mengenangkan Allah  
 itu ialah mereka yang mempunyai mata hati).  
 Firman-Nya lagi "Wa 'idhā qīla lahumuttabi 'ū mā anzalallāhu  
 qālū nattabi 'mā 'alfaynā 'alayhi 'abā 'anā, 'ulū kānā  
 ābā 'uhum lā ya 'qilūna shay'an wa lā yahtadūn" (Dan apabila  
 dikatakan kepada mereka: Ikutilah apa yang Allah turunkan!  
 Mereka berkata: Malah biarlah kami terus sahaja  
 ikut apa yang kami dapat datuk moyang kami  
 membuatnya, apakah- mereka mesti ikut- sekalipun  
 datuk moyang mereka itu terang-terang tidak mengerti akan  
 sesuatu apa dan tidak pula mendapat pertunjuk).

**Perkataan "Agama" Menurut Istilah Quran**

Dunia barat berpengertian dengan tafsiran khas  
 mengena apa yang dikatakan "agama" atau Arabnya "Dīn"  
 dan Inggerisnya "religion". Dunia barat menurut  
 tafsiran ahli pengetahuannya berkata: "Adapun agama itu  
 ialah jalan yang menetukan hubungan manusia dengan kekuatan  
 ghaib yang tertinggi". Dan suatu tafsiran lagi,  
 "adapun agama itu ialah apa juga yang meliputi  
 sesuatu yang diketahui yang tidak sesuai dengan alam  
 pengetahuan". Itulah dia pandangan dunia barat terhadap  
 perkataan "agama". Mereka memandang agama itu berlawanan  
 dengan akal fikiran, dan kerana itu timbul perseteruan  
 yang amat hebat di antara puak agama dan puak ahli

Alangkah murninya falsafah Islam itu! Tidak ada manusia yang membantah seruan-seruan Islam yang seperti itu. Meskipun orang lain masih ragu-ragu dalam hal ini, namun kita penganut-penganut Islam sememangnya sudah menjadi tugas kita memperjuangkan segala sesuatu yang dirancang oleh *al-Qur'an al-Karīm*, dan rancangan itu ialah:

- (A) "Yā ayyuhalladzī na āmanū 'istajībūllāhi wa lirrasūli  
 du 'ākum limāyuhyīkum"

Tujuannya: (Wahai mereka yang beriman, sambutlah panggilan dari Allah dan dari Rasul bila sahaja Rasul itu menyeru kamu kepada perjuangan yang boleh menghidupkan kamu). (Hendaklah muncul di antara kamu suatu puak yang menyeru ke arah kebijakan manusia).

- (B) "Wa ya 'murūna bil ma 'rūf" (dan yang menyuruh akan kebaikan peri kemanusiaan).

- (C) "Wa yanhwāna 'anil munkar" (Dan yang menegahkan daripada kemungkaran).

- (D) *Qul hādžihī sabīlī 'ud'ū ilallāhi 'alā bašīrah,*  
 (Katakanlah- Ya Muhammad- Inilah jalan aku, aku menyeru kepada kebenaran Allah dengan secara terang-terang, aku dan sesiapa juga yang menuruti aku).

Seruan Quran supaya manusia berhakimkan akal dan alam- bukan kepada adat lapuk dan taklid buta, adalah terkandung di dalam firman Tuhan: "*Kadzālikā yufaṣṣilu Allāhi āyātī liqawmīn ya 'qilūn*" (Beginilah Allah menghuraikan suatu persatu segala tanda kebesaran-Nya untuk bangsa

sains di benua barat. Perseteruan ini berkesudahan dengan terpisahnya soal-soal “negara” daripada soal-soal “agama” maka puak negara selalulah menaruh hasad terhadap agama, dan sebaliknya.

Erti agama menurut *al-Qur’ān*: “*al-yawma ‘akmaltu lakum dīnakum, wa atmamtu ‘alaykum ni‘matī, wa rađītu lakumul islāma dīnā*”.

(Pada hari ini aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku sempurnakan nikmatku kepada kamu dan redhalah aku bagi kamu akan selamat itu menjadi agama kamu). Pada hujung ayat ini, kita dapati: Bahawa Islam itu adalah suatu agama. Tetapi tafsiran Islam sebagai suatu agama tidaklah sama dengan tafsiran yang diberi oleh orang barat. Jadi teranglah kepada kita bahawa Islam itu lebih luas daripada apa yang dunia barat menyangka dan menuduh.

Jika dunia barat memandang agama itu sebagai satu cara hubungan manusia dengan Tuhan, maka Quran pula mengatakan bahawa Islam itu adalah agama yang tidak menghubungkan manusia dengan Tuhan serta menghubungkan manusia sesama manusia. Jika dunia barat berkata bahawa agama itu tidak sesuai dengan ilmu pengetahuan maka Quran pula mengajar supaya manusia berhakimkan kepada akal dan ilmu pengetahuan, jadi amatlah jauh bezanya di antara tafsiran dunia barat dan tafsiran *al-Qur’ān al-Karīm*.

#### **Aliran Sastera dalam *al-Qur’ān*.**

Quran sebagai sebuah kitab suci yang Tuhan sendiri menciptakannya, adalah mempunyai aliran sastera yang istimewa, maka barangsiapa tidak mengerti keistimewaan sastera tersebut, sudah tentu sering kali akan tersulut dan salah penafsiran ketika dia cuba memahami kehendak-kehendak dari ayat-ayat Quran, malah dia tidak akan nampak hubungan-hubungan seni di antara satu ayat dengan ayat yang lain, dengan itu tafsirannya akan menjadi sempit dan beku serta cetek, jika kita sedarkan kedudukan Quran sebagai sebuah kitab

suci yang tugasnya ialah mengatur peri susunan masyarakat, maka kita dengan mudah sekali dapat menerima bahawa sastera Quran itu sudah tentu lebih seni, luas dan tajam.

Kadang-kadang ayat Quran itu ditujukan kepada satu pihak yang tertentu, tetapi ayat itu juga boleh dijadikan dasar am.

Suatu perkara yang patut disedari ialah bahawa ayat-ayat Quran itu tidak dapat difaham tujuannya jika kita cuba menterjemahkan sesuatu ayat dengan tidak menghiraukan hubungan ayat tersebut dengan ayat-ayat yang lain.

#### **Ayat-ayat Quran Sebagai Dasar Umum**

Quran ialah pokok pangkal bagi hukum-hukum Islam. Maka di antara suatu ayat dengan ayat yang lain itu emmang ada hubungannya, dan tiap-tiap ayat yang datang terkemudian adalah berasas kepada ayat-ayat yang terdahulu itu. Dengan ini, dapat ditegaskan bahawa ayat-ayat Quran itu adalah merupakan dasar-dasar utama yang daripadanya manjalaralah cabang-cabang dan ranting-ranting hukum Islam, iaitu cabang dan ranting-ranting yang zahir dari usaha ijihad akal kita sendiri.

Harus ada orang berkata bahawa Quran itu tidak boleh dicampurkan dengan akal manusia yang lemah. Memang kalam Allah itu tidak boleh dicampurkan dengan akal manusia, dan kebenaran ini tidak ada siapa yang membantah, tetapi apa yang kita maksudkan bahawa Allah menyuruh kita menggunakan akal dalam memahami Quran. Bagi menjelaskan kehendak-kehendak dasar am dalam Quran itu, Tuhan telah memberi kuasa khas kepada Rasul-Nya menerangkan kepada kita satu persatu.

Mungkin firman Allah: “*Wa ‘Anzalnā ‘ilaykadzdzikra littābi ‘īna linnāsi mā nazzala ilayhim*” (Dan, kami turunkan kepada Engkau Ya Muhammad akan Qur’ān itu supaya Engkau menerangkan kepada manusia segala sesuatu yang telah diturunkan kepada mereka ). Frimannya lagi: “*Innā ‘Anzalnā ‘ilaykalkitāba bil haqqi litāhkuma bayna al-Nāsi bimā ‘arāka Allāh*”. (Sesungguhnya kami telah turunkan kepada engkau ya Muhammad akan kitab Qur’ān ini

dengan kebenaran supaya engkau menghukum di antara manusia itu dengan apa yang Tuhan berikan pengajaran kepadamu).

Semuanya ini bererti bahawa Quran itu merupakan dasar umum atau kaedah kuliah yang mesti dihuraikan oleh Rasul, maka itulah sebabnya kita memerlukan hadis Nabi ketika kita cuba hendak memaham kehendak sesuatu ayat Quran. Hadis Rasul itulah yang membuka lorong kepada kita untuk kita pula menggunakan akal kita menurut had dan perenggan yang tertentu.

### **Quran dan Sumber-sumber Perkembangan Islam**

Tidak syak lagi bahawa sumber yang utama bagi hukum Islam itu ialah ayat-ayat Quran sendiri. Kemudian daripada itu datanglah sunnah Rasul. Seperti yang ditunjukkan oleh Quran sendiri dalam firman Allah: “*Wa mā ātākum al-rasūl fakhudhūhu wa mā nahākum ‘anhu fantahū*” tujuannya: (Dan apa yang diberi oleh Rasul kepada kamu maka ambillah, dan apa yang ditegahkannya maka berhentilah kamu daripada mengerjakannya). Jika Quran telah mengakui kedudukan sunnah sebagai sumber kedua, maka itu bererti juga Allah melorongkan supaya hamba-hambanya menggunakan akal dalam beberapa perkara yang tertentu yang berlaku dalam hidup sehari-hari. Dan inilah adalah terkandung dalam kehendak firman-Nya yang tersebut tadi. Selain daripada itu Islam juga mengakui suatu sumber yang lain, iaitu ‘arif, atau adat yang baik yang tidak bertentang dengan kaedah am Islam. Islam datang bukan hendak menghancurkan adat adat istiadat yang baik tetapi ialah untuk memerangi adat-adat lapuk dan memperbaiki lagi apa yang sudah baik. Perhatikanlah firman Tuhan yang berbunyi: “*Wa ’amar wa ’a’ridu ’anil jāhilīn*” (Dan suruhlah ya Muhammad dengan perkara yang baik, dan berpalinglah daripada mereka yang jahil). Firman

ini menyuruh kita memilih kebudayaan yang baik dan meninggalkan segala adat yang berlawan dengan budaya mulia.

Dengan tegas dapat kita ulangkan bahawa sumber-sumber Islam ialah Quran, sunnah Rasul, ijmak sahabat dan *qiyās*. Selain daripada itu maka ‘arif atau adat yang baik juga menjadi suatu sumber bagi perkembangan Islam, sebab Islam ialah agama “fitrah”, agama yang datangnya untuk memperbaiki susunan hidup manusia- bukanlah Islam itu datang kerana membatalkan segala ciptaan manusia dengan secara buta tuli. Islam bukanlah agama peruntuh, tetapi ialah agama Pembina dan agama penyusun semula. Apa yang palsu dibuang, apa yang tidak tersusun disusunkannya dan apa yang baik dikenalkan dan ditambahkan lagi kebaikannya dengan panduan Quran. Di dalam usul fikah ada kaedah yang *madmūnnya*: “Adat yang baik itu boleh menghukumkan”. Ini bererti kita harus berhakimkan kepada ‘arif atau adat istiadat yang baik di dalam beberapa perkara yang tertentu.

Di Malaya, kita terdapat dua kaum: iaitu kaum tua dan kaum muda. Kita tidak tahu dari mana datangnya gelaran ini, pada hal Islam tidak memberi gelaran yang semacam itu. Rasul tidak berwasiat supaya kita mengikuti kaum tua, lalu meninggalkan kaum muda, dan tidak juga ianya menyuruh kita memulaukan kaum muda lalu mengikuti kaum tua, atau mengikuti kaum muda lalu meninggalkan kaum tua- tidak, tidak sekali-kali tidak. Tidak ada wasiat yang semacam itu. Apa yang ada ialah sabda Rasul yang berbunyi: *Taraktu fīkum ’amrayni mā ’an tamassaktum bihimā lan taḍillū: Kitāballahi wa sunnata rasūlihi.*” (Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara; selagi kamu berpegang dengan keduanya tidaklah akan kamu sesat: iaitulah kitab Allah (Quran) dan sunnah Rasulnya). Ini bererti Rasul itu berwasiat supaya kita membentuk satu kaum yang mengikuti Quran dan sunnah.